



JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BILANGAN 2 TAHUN 2016

PENYIMPANAN PERALATAN UKUR DI DALAM RUMAH DAN KENDERAAN RASMI

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Dikeliling Kepada:

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian

Salinan Kepada:

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri
Semua Pengarah Ukur Bahagian
Semua Pengarah Bahagian**

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**PENYIMPANAN PERALATAN UKUR
DI DALAM RUMAH DAN KENDERAAN RASMI**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, **Pekeliling KPUP Bil. 2/2009** iaitu **Garis Panduan Penggunaan dan Penyimpanan Peralatan Ukur** telah dikeluarkan pada 3 Jun 2009 sebagai panduan kepada pegawai-pegawai Jabatan ini yang menggunakan aset alih kerajaan terutamanya peralatan ukur. Pekeliling ini adalah bagi memastikan keberkesanan pengendalian serta menjamin keselamatan peralatan ukur sama ada yang dibuat penempatan terus kepada pegawai-pegawai kerja luar atau penempatan di bawah penggunaan gunasama.

2. Sehubungan itu, Jabatan ini telah membekalkan kabinet besi berpalang dan berkunci untuk ditempatkan di rumah pegawai-pegawai kerja luar supaya peralatan ukur dan aksesori dapat disimpan dengan selamat. Pembekalan kabinet besi ini membolehkan pegawai-pegawai kerja luar mematuhi para 5.5.1 Pekeliling KPUP Bil. 2/2009 yang menghendaki peralatan ukur disimpan di dalam kabinet kayu atau besi yang berkunci.


3. Walau bagaimanapun, peralatan ukur ini akan dibawa ke lapangan bagi menjalankan ukuran dan dengan itu akan masih terdedah kepada kejadian kecurian dan lain-lain. Dalam hal ini, pegawai-pegawai kerja luar hendaklah memastikan peralatan ukur tersebut disimpan di tempat yang selamat dan tidak kelihatan, seperti di dalam but kenderaan. Di samping itu, kenderaan tersebut hendaklah diletakkan

di bawah pengawasan pegawai kerja luar sepanjang masa dan dilarang sama sekali ditinggalkan tanpa pemerhatian. Juruukur Daerah hendaklah memastikan kenderaan berkenaan sesuai untuk digunakan bagi membawa dan menyimpan peralatan ukur dengan selamat.

4. Adalah diingatkan bahawa setiap pegawai kerja luar yang telah dibekalkan peralatan ukur adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan aset alih kerajaan. Oleh itu, Garis Panduan Penggunaan dan Penyimpanan Peralatan Ukur tersebut hendaklah sentiasa dipatuhi manakala peralatan ukur yang menarik perhatian atau bernilai tinggi yang terdedah kepada risiko kehilangan hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksimum.
5. Merujuk kepada Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) berkaitan kehilangan dan hapus kira, tindakan surcaj atau tatatertib atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan ke atas kecuaian pegawai bagi kehilangan aset alih kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK SR AHMAD FAUZI BIN NOR DIN, PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN)
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia